

*Dipinda menurut Aturan 20 Kaedah 3(1)
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012*

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
(BAHAGIAN SIVIL)
GUAMAN NO. 23NCVC-28-04/2015

ANTARA

1. DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
(NO. K/P: 530723-06-5165)
2. DATIN PADUKA SERI ROSMAH MANSOR
(NO. K/P: 511210-05-5558) ...PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

1. MOHD RAFIZI RAMLI
2. CHAN CHEE KONG
(NO. K/P: 630326-08-5291)
(BERNIAGA DI BAWAH NAMA
DAN GAYA "MR MULTIMEDIA")
(NO SYARIKAT.: 001875478) ... DEFENDAN-DEFENDAN

**PEMBELAAN DAN TUNTUTAN BALAS DIPINDA
DEFENDAN PERTAMA**

PEMBELAAN

PIHAK-PIHAK

1. Kecuali Plaintiff Pertama adalah Perdana Menteri Malaysia dan Pengerusi United Malay Union Organisation ("UMNO"), dengan alamat penyampaian yang dinyatakan, perenggan 1 Pernyataan Tuntutan adalah dinafikan. Pada setiap masa material, Plaintiff Pertama adalah juga Menteri Kewangan Malaysia.

2. Plaintiff Pertama, sebagai Perdana Menteri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia, adalah Ketua Kabinet yang melaksanakan kuasa eksekutif Persekutuan Malaysia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
3. Sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, Plaintiff Pertama telah dan adalah bertanggungjawab untuk semua polisi dan implementasinya, yang melibatkan ekonomi dan perdagangan negara.
4. Dalam keadaan itu, tindakan-tindakan, usaha-usaha dan dasar-dasar kerajaan Malaysia, dianggotai oleh Kabinet dan Plaintiff Pertama, adalah perkara-perkara amat kepentingan umum.
5. Perenggan 2 Pernyataan Tuntutan adalah diakui. Selanjutnya, Plaintiff Kedua, sebagai isteri kepada Plaintiff Pertama adalah sendiri tokoh masyarakat.

Butir-butir

- a. Plaintiff Kedua ialah isteri kepada Perdana Menteri Malaysia.
- b. Plaintiff Kedua telah memperkenalkan sendiri atau telah diperkenalkan sebagai Wanita Pertama Malaysia
- c. Peranan Wanita Pertama Malaysia telah dipersembahkan sebagai suatu komponen Jabatan Perdana Menteri dilengkapi dengan kakitangan, pejabat dan laman web rasmi.

- d. Plaintiff Kedua telah melibatkan sendiri dengan pelbagai usaha-usaha awam atau kepentingan awam, yang telah menerima dan masih menerima liputan meluas di media.
 - e. Banyak usaha-usaha awam atau kepentingan awam beliau telah menerima dana atau sokongan daripada kerajaan Malaysia atau pegawai-pegawai awam di Malaysia.
 - f. Plaintiff Kedua selalu menghadiri majlis-majlis kerajaan atau berkaitan kerajaan dalam dan di luar Negara.
 - g. Kelakuan Plaintiff Kedua sentiasa menjadi subjek berita dan ulasan awam.
6. Atas sebab perkara-perkara yang diplidkan di atas, Plaintiff Pertama tidak mendakwa dalam kapasiti peribadi seperti diplidkan dalam Pernyataan Tuntutan tetapi mendakwa dalam jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana tajuk perkara ucapan dan perkataan-perkataan yang diadu dalam Pernyataan Tuntutan berhubung terus kepada prestasi dan pelaksanaan tugas-tugas awamnya dalam jawatan-jawatan dinyatakan di atas. Selanjutnya, Plaintiff Kedua, atas sebab perkara-perkara yang diplidkan di atas, juga mendakwa dalam kedudukan awamnya seperti dinyatakan di atas.
7. Dalam keadaan itu, Defendant Pertama akan menegaskan bahawa Plaintiff Plaintiff Pertama dan/atau Kedua adalah tidak berhak untuk membawa guaman ini. Selanjutnya, perkataan-perkataan yang diadu, sekiranya memfitnah, yang mana dinafikan, adalah dilindung oleh perlindungan mutlak (absolute privilege).

8. Selanjutnya, berkenaan perkataan-perkataan yang diadu di perenggan 7 Pernyataan Tuntutan ("**Perkataan-Perkataan Diadu**"), Plaintiff Kedua telah, melalui kelakuan sendiri dan pengenalan beliau, menerima banyak perhatian media pada tahun-tahun lalu dalam perbelajaan beria-ia dan pembelian / penerimaan beg tangan berjenama dan barang kemas amat mahal.
- a. Kira-kira akhir tahun 2012, seorang Deepak Jaikishan A/L Jaikishan Rewachand mengatakan bahawa beliau telah belanja kira-kira RM13 juta dalam 3 bulan bagi barang kemas berharga untuk Plaintiff Kedua.
 - b. Sebelum itu, kira-kira di pertengahan 2011, Plaintiff Kedua menarik perhatian ramai apabila tangkapan skrin dari Sistem Maklumat Kastam (JKED) diagihkan, menunjukkan butir-butir sebutuk cincin permata biru kononnya dibeli oleh Plaintiff Kedua dari Jacob & Co di New York dengan harga melebihi RM24 juta.
 - c. Sehingga kini, barang kemas, beg-beg tangan dan gaya hidup Plaintiff Kedua yang mewah terus menjadi topik perbualan / perbincangan orang ramai.
 - d. Ia adalah satu persepsi awam yang ketara bahawa Plaintiff Kedua, sama sekali dengan Plaintiff Pertama, menjalankan gaya hidup mewah yang sukar disokong (justify) oleh pendapatan keluarga beliau dan tidak berpadanan dengan jawatan-jawatan mereka seperti diplidkan di atas.

9. Dalam perkara ini, Plaintiff Pertama sebagai Perdana Menteri dan Plaintiff Kedua sebagai isteri Perdana Menteri sepatutnya mengekalkan hormat, martabat dan darjat yang sepadan dengan jawatan / kedudukan awam masing-masing.
10. Perenggan 3 Pernyataan Tuntutan diakui. Selanjutnya, sebagai ahli Parliamen dipilih dan naib pengerusi Parti Keadilan Rakyat (PKR), sebuah parti politik yang telah dan pada semua masa material adalah ahli gabungan pembangkang, tanggungjawab dan tugas Defendan Pertama termasuk:
- (a) mempertanggungjawabkan Kerajaan dalam keputusan, tindakan dan polisinya;
 - (b) mempengaruhi polisi Kerajaan Persekutuan;
 - (c) mengalok kebertanggungjawaban dan ketelusan Kerajaan;
 - (d) meneliti perkerjaan Kerajaan;
 - (e) memberi perhatian kepada isu-isu awam, termasuk yang berkaitan dengan perdagangan dan ekonomi; dan
 - (f) meningkatkan kesedaran dan memberikan maklumat kepada orang awam dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan awam.

UCAPAN

11. Perenggan 5 Pernyataan Tuntutan adalah diakui. Pada hari tersebut, Defendan Pertama telah dijemput untuk memberikan ceramah oleh cawangan Bandar Tun Razak Parti Keadilan Rakyat.

12. Setakat Defendan Pertama menyampaikan ucapan tentang kepentingan pengkalan subsidi minyak untuk memastikan pengurangan kos kehidupan untuk rakyat di ceramah pada 22.11.2014 ("**Ucapan itu**"), Defendan Pertama tidak mempunyai pengetahuan tentang pihak yang memuat atas dan/atau menyebarkan rakaman ucapan yang didakwa dalam perenggan 6 Pernyataan Tuntutan.
13. Kecuali bahawa perenggan-perenggan kecil 7.1, 7.2 dan 7.3 Pernyataan Tuntutan mengandungi petikan-petikan Ucapan itu, perenggan 7 Pernyataan Tuntutan adalah dinafikan.
14. Transkrip di Lampiran A Pernyataan Tuntutan adalah tidak lengkap dan kurang tepat. Sesalinan lengkap dan tepat transkrip Ucapan itu adalah dilampirkan sebagai "Lampiran B".

PERBELANJAAN KERAJAAN DAN PENYALAH-URUSAN DANA

15. Defendan Pertama menegaskan bahawa Ucapan itu adalah salah satu daripada siri pengumuman akhbar dan huraian awam berkenaan penarikan subsidi minyak:
 - 15.1 Ia satu polisi Kerajaan bagi tempoh berpanjangan untuk mengagihkan dana bagi memberi subsidi kepada kegunaan petrol oleh orang ramai ("**Subsidi Minyak**").

- 15.2 Subsidi Minyak adalah, antara lain, digunakan untuk menstabilkan harga petrol dalam Malaysia, dan sebagai satu langkah untuk mengawal inflasi.
- 15.3 Dalam tahun pertama Plaintiff Pertama menjadi Perdana Menteri Malaysia, subsidi minyak telah dikurangkan, dan kemudiannya ditarik langsung pada akhir 2014.
- 15.4 Pengurangan dan penarikan Subsidi Minyak adalah kononnya untuk tujuan mengurangkan deficit negara dan mengagihkan simpanan kepada “National Key Results Area” dan “National Key Economic Area”.
- 15.5 Namun, laporan Ketua Audit Negara dan sumber lain bertahun-tahun melaporkan perbelanjaan berlebihan, pembaziran dan penyalah-urusan dana. Oleh itu, apa-apa simpanan kononnya dari pengurangan dan/atau penyingkiran Subsidi Minyak mempunyai kesan kecil dalam pengurangan deficit kerajaan.
16. Sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, Plaintiff Pertama bertanggungjawab, antara lain, memastikan pengagihan subsidi minyak dengan berpatutan dan bertanggungjawab atas sebarang dana yang dikumpul oleh kerajaan persekutuan termasuk sebarang ‘hidden tax’.
17. Isi dan tumpuan Ucapan tersebut adalah:-

- 17.1 keengganan Plaintiff Pertama dan kerajaan persekutuan untuk mengurangkan harga minyak Negara walaupun harga minyak dunia mula jatuh sejak Julai 2014;
- 17.2 kenaikan harga minyak dan / atau harga minyak tinggi akan menyebabkan kos kehidupan lebih tinggi untuk orang ramai dan akhirnya mendatangkan inflasi;
- 17.3 Subsidy Minyak adalah penting untuk memastikan rakyat Malaysia mendapat manfaat dari hasil eksport minyak;
- 17.4 pengurusan yang tidak transparan berkenaan wang jimat dan pendapatan akibat jatuh harga minyak pasaran dunia dan penarikan Subsidi Minyak.
18. Antara 15.9.2014 dan 28.2.2015, selaku Ahli Parlimen bagi Pandan, Defendan Pertama telah membuat lebih kurang 15 siaran media atas isu Subsidi Minyak dan 'hidden tax' yang melampau yang telah dikutip oleh kerajaan persekutuan. Pada masa material, isu-isu ini sedang hangat didebatkan dalam domain awam dan di media sosial memandangkan kejatuhan harga minyak sedunia.
19. Defendan Pertama tiada pengetahuan akan perenggan 9 Pernyataan Tuntutan.

20. Melainkan bahawa Ucapan itu merujuk kepada Plaintiff Pertama dalam kapasiti beliau selaku Perdana Menteri Malaysia, perenggan-perenggan 10, 11, 12, 16, 17, 18, 19 dan 20 Pernyataan Tuntutan adalah dinafikan.
21. Selanjutnya, Defendan Pertama menafikan bahawa Ucapan itu atau Perkataan-Perkataan Diadu bermakna atau difahamkan untuk membawa makna atau boleh membawa makna atau boleh difahamkan untuk membawa apa-apa makna yang dibentangkan dalam perenggan-perenggan 17 dan 18 Pernyataan Tuntutan atau mana makna yang boleh memfitnahkan Plaintiff Plaintiff.
22. Selanjutnya, dalam konteks perkara-perkara yang dihidkan di atas, Perkataan-Perkataan Diadu tidak diniatkan sebagai pernyataan-pernyataan fakta tetapi merupakan pernyataan-pernyataan yang telah dibuat secara berseloroh. Ucapan itu dan / atau Perkataan-Perkataan yang Diadu telah disampaikan dalam gaya yang lucu, dibesar-besarkan dan retorik. Penyampaian Ucapan itu, termasuk pelbagai infleksi dan variasi yang mempergunakan gaya suara, menentang makna satu dimensi yang mana Plaintiff-Plaintiff telah dakwa dalam Pernyataan Tuntutan. Dalam keadaan ini, tidada orang yang munasabah akan mengambil Perkataan-Perkataan Diadu secara literal. Dalam hal ini, Defendan Pertama akan bergantung kepada rakaman sebenar Ucapan itu.
23. Selanjutnya, dalam konteks perkara-perkara yang dihidkan di atas, kesemua rujukan kepada Plaintiff Pertama dalam Ucapan itu termasuk rujukan kepada kerajaan Barisan Nasional.

KOMEN BERPATUTAN

24. Selanjutnya dan / atau secara alternative, sekiranya dan sejauh mana Perkataan-Perkataan Diadu merujuk kepada Plaintiff-Plaintif Pertama dan Kedua, ianya adalah komen berpatutan oleh Defendan Pertama, sebagai seorang Ahli Parlimen, dengan niat baik dan tanpa niat jahat berkenaan satu perkara berkepentingan awam, yang boleh dicapai oleh mana-mana orang adil. Pada hal, Defendan Pertama sedang mempersoalkan keputusan fiskal dan ekonomi yang meragukan oleh kerajaan persekutuan, yang diketuai oleh Plaintiff Pertama sebagai Perdana Menteri Malaysia.
25. Untuk membentangkan perenggan 24 di atas, Perkataan-Perkataan Diadu diambil dalam konteks Ucapan itu dan latar belakang isu Subsidi Minyak, adalah komen berpatutan Defendan Pertama dan / atau orang awam kerana:
- 25.1 ia merupakan inferens munasabah bahawa ini merupakan salah satu insiden di mana hak orang awam dirampas dan dana awam disalah-guna oleh kerajaan persekutuan, Plaintiff Pertama dan / atau Plaintiff Kedua;
- 25.2 ia adalah kebimbangan yang benar bahawa subsidi minyak dan “hidden taxes” telah secara tidak patut disalurkan kepada projek-projek, perbelanjaan dan / atau individual yang tidak berkelayakan;

- 25.3 ia adalah tugas dan hak Defendan Pertama untuk menuntut tranparensi dalam pengurusan isu Subsidi Minyak dan / atau salah-gunaan hidden taxes oleh Plaintiff Pertama;
- 25.4 apabila mendengar Ucapan itu, sesiapa yang berfikiran wajar akan dan boleh mencapai komen yang sama berdasarkan perbincangan yang ketara berkenaan isu Subsidi Minyak, hidden taxes dan tabiat perbelanjaan Plaintiff Kedua.
26. Fakta-fakta yang menjadi asas komen berpatutan adalah seperti dihid di atas, terutamanya:
- 26.1 Polisi kerajaan pada masa yang panjang yang memberikan subsidi minyak kepada rakyat Malaysia;
- 26.2 Subsidi Minyak adalah untuk melindungi warga Malaysia harga minyak dunia yang mahal, yang memberi tekanan besar ke atas orang awam kerana harga minyak akan secara langsung dan tidak langsung memberi kesan kepada barang-barang konsumer;
- 26.3 Pada hujung 2014, Subsidi Minyak dibatalkan;
- 26.4 Pembatalan Subsidi Minyak telah memaksa warga Malaysia membayar harga yang lebih mahal bagi barangan consumer termasuk minyak, dan mendatangkan keuntungan kepada kerajaan atas kerugian rakyat;

26.5 Berikutan pembatalan Subsidi Minyak, harga minyak dalam Negara yang sepatutnya jauh lebih rendah tidak mencerminkan kejatuhan harga minyak dunia sejak Julai 2014; dan

26.6 Walau dengan pembatalan Subsidi Minyak, harga minyak dalam Malaysia sepatutnya lebih rendah berbanding harga yang ditetapkan oleh kerajaan.

26A. Jika perlu, Defendan Pertama akan bergantung kepada Seksyen 9 Akta Fitnah 1957

PERLINDUNGAN BERSYARAT

27. Selanjutnya dan / atau secara alternatif, Defendan Pertama mengatakan bahawa Ucapan itu atau mana-mana bahagiannya telah dibuat dalam keadaan perlindungan bersyarat.

Butir-Butir

- (a) Defendan Pertama mengulangi perkara-perkara diplid di atas.
- (b) Defendan Pertama, sebagai seorang wakil rakyat dan timbalan presiden PKR, mempunyai tanggungjawab moral, politikan dan / atau sosial untuk mempersoalkan perbelanjaan kerajaan dan menuntut transparansi dalam perkara tersebut, dan orang awam mempunyai hak yang sepadan dan sah dalam subjek perkara Ucapan itu.

28. Atas sebab-sebab dinyatakan di atas, Defendan Pertama menafikan perenggan 21, 23 dan 26 Pernyataan Tuntutan.
29. Kecuali di mana diakui secara nyata, Defendan Pertama menafikan setiap dan tiap-tiap kenyataan dalam Pernyataan Tuntutan seolah-olah ia dinyatakan di sini dan dinafikan secara satu persatu.

TUNTUTAN BALAS

30. Defendan Pertama mengulangi semua perenggan di atas secara tuntutan balas terhadap Plaintiff.
31. Tambahan, Defendan Pertama menyatakan bahawa kedua-dua Plaintiff telah menerima tuduhan yang serius berkenaan banyak isu-isu awam yang penting, termasuk dan tidak terhad kepada isu berkenaan FELDA dan 1MDB. Ramai orang dan persatuan termasuk bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir telah membuat banyak pernyataan terhadap Plaintiff-Plaintif yang menjejaskan reputasi mereka. Akan tetapi, Defendan Pertama menjadi target yang satu-satunya yang mana tindakan mahkamah telah diambil terhadap beliau akibat pernyataan yang dibuat berkenaan kelakuan Plaintiff-Plaintif. Selanjutnya, disebabkan kritikan-kritikan kerap dibuat oleh Defendan Pertama terhadap kerajaan persekutuan atas isu Subsidi Minyak pada masa material, beliau telah dijadikan mangsa (victimized) oleh Plaintiff-Plaintif dalam tindakan ini.

32. Tambahan, Plaintiff-Plaintif tidak memulakan tindakan ini dengan tujuan mendapat redress undang-undang. Tindakan ini merupakan percubaan Plaintiff Pertama dan Kedua untuk menghalang dan mensenyapkan perbincangan politik, terutamanya daripada Defendan Pertama yang selalu mecabar polisi dan arahan kerajaan. Oleh itu, tindakan ini dan merupakan satu penyalah-gunaan proses. Defendan Pertama telah mengalami kerugian akibat tindakan Plaintiff-Plaintif.

33. Oleh demikia, Defendan Pertama menuntut terhadap Plaintiff-Plaintif:

- (a) ~~pampasan-gantirugi~~ awam;
- (b) kos; dan
- (c) relif selanjut dan lain yang dianggap sesuai oleh Mahkamah Mulia ini.

Bertarikh pada 29 haribulan Mei 2015

.....t.t.....
Peguamcara Defendan Pertama

Dipinda pada 8 haribulan Julai 2015


.....
Peguamcara Defendan Pertama

Pembelaan dan Tuntutan Balas Dipinda Defendan Pertama ini difailkan oleh Tetuan Sun & Michele, peguamcara Defendan Pertama yang beralamat penyampaian di Suite 2.03, 2nd Floor, Wisma E&C, No 2 Lorong Dungun Kiri, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.

Tel.: 03-2094 0909; Faks: 03-2094 3909

(Ruj. Kami: SM.298.15.L.SS)

Defence-CC D1-Amended (bm)